

Sesuaikan majlis kahwin dengan normal bahanjaru

Tarikh: 1 Julai ini cukup berbabban pengamalan normal bahanjaran bagi pasangan pengantin yang selama ini terpaksa menangguhkan hasrat mendirikan rumah tangga akibat pandemik COVID-19.

Mulai hari ini, resepsi perkahwinan dibenarkan dengan beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang digarisaskan kerajaan.

Eritnya dalam kehairahan bahanjal mempelai menyambut detik bermakna ini, ada garis panduan yang perlu dituruti bagi memastikan majlis penuh keindahan tidak menjadi kluster penyebaran COVID-19 yang paling menggerikan.

Persoalannya, masihkah wujud budaya kemeriahinan dan kesamaan sanak saudara, sahabat handai dan jiran tetangga diseban dalam mafus yang akan dianjurkan nanti?

babban pengamalan normal bahanji haru ini?

Ada beberapa SOP yang perlu diikuti oleh pengajur majlis perkahwinan. Teramu yang hadir perlu duduk secara berjarak, diambil suhu badan di pintu masuk (diisi nama dan maklumat diri dan suhu), makanan perlu disajikan oleh pramusaji sahaja, majlis mestilah tidak melebihi lima jam dan tiada kontak rapat antara tetamu.

Jika sebelum COVID-19, pelukan, bersalamatan, pertulan bahu ke bahu sesama rakan dan berfoto rapat dengan mempelai adalah satu aktiviti wajib ketika resepsi meriah sebegini, namun kini ia terpaksa dilupukan.

Adakah hilang budaya keakraban dalam mafus yang akan di-

Kita sebagai rakyat yang pernah melalui fasa getir penularan wabak COVID-19 perlulah sentiasa meletakkan aspek keselamatan sebagai fokus utama.

Beberapa budaya perlu diubah mengikut situasi semasa. Salam kauh contohnya, mungkin perlu digantikan dengan meletakkan bekas di hadapan meja pengamalan suhu dan maklumat tetamu.

Bagi warga tua yang ingin benar ikut serta majlis cucunda yang menjadi raja sehari pada ketika itu, pihak tuan rumah bolehlah menyediakan bilik khas untuk mereka bersua muka selepas semua kekalutan tetamu yang hadir mula reda.

Bingkisan tuan rumah kepada tetamu mungkin dapat ditukar kepada pembasmi kuman yang

sememangnya penting penggunaannya kini. Kalaupun tidak dapat bersalam dan berpeluk erat, lemparkan senyuman dengan tangan di dada seikhlas hati.

Jadi, budaya keakraban dan kemeriahian pada majlis kenduri perkahwinan tidak hilang sepenuhnya. Cuma, tuan rumah perlu mengambil inisiatif yang lebih bijak selaras keperluan dan kehendak semesta.

Bagi tetamu pula, jangan membebani pihak pengajur dengan rencana permintaan. Ingatlah, sebagai tetamu kita iringkan pengantin dengan doa, bukan dendra akibat melanggar SOP kenduri perkahwinan.

Azmi Md Said,
Bicara Pangieran